Ahli Parlimen Kuantan, Fuziah Salleh berkata, perkara itu telah dinyatakan oleh Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr. Xavier Jayakumar bahawa semua pihak perlu bersedia melaksana dan menguatkuasakan SOP aktiviti perlombongan dan pengeksportan bauksit negeri.

Katanya, sesi pendengaran awam bagi mendapatkan maklum balas mengenai SOP berkenaan akan diadakan pada 14 April ini.

"Sebelum sesi itu diadakan

dan SOP diluluskan, saya difahamkan operasi perlombongan bauksit tidak boleh dimulakan. Diharapkan kita sama-sama me-

antau supaya tiada pergerakan lori mengangkut bauksit sehingga SOP baharu diluluskan," katanya selepas merasmikan Sambutan Hari Wanita di Pantai Cheroke Paloh, di sini hari ini.

Dalam pada itu, berhubung kenyataan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd.

Redzuan Yusof bahawa kilang memproses nadi bumi, **Lynas Corporation Ltd. (Lynas)** di Gebeng di sini akan diteruskan sebagai salah satu usaha kerajaan untuk menarik pelabur asing melabur di negara ini, Fuziah berkata, perkara berkenaan seharusnya dilihat secara holistik dan bukan dengan satu perspektif sahaja.



**FUZIAH SALLEH**

LAMPIRAN 14
KOSMO (NEGARA): MUKA SURAT 4
TARIKH: 1 APRIL 2019 (ISNIN)

Lynas didakwa jejas penduduk Gebeng

KUALA LUMPUR - Projek Lynas di Gebeng, Kuantan Pahang menjejaskan penduduk kampung yang tinggal berhampiran, dakwa Ahli Parlimen Kuantan, Fuziah Salleh.

Fuziah berkata, hanya selepas lima tahun beroperasi, pembuangan sisa radioaktif di tapak dan sisa berjadual kini berjumlah 1.5 juta tan metrik dan air bawah tanah di bawah Lynas sudah tercemar dengan logam berat.

"Ini akan memberi kesan kepada penduduk kampung yang tinggal di sekitar Gebeng, yang sebahagiannya masih bergantung kepada telaga tiub untuk kegunaan air harian mereka. Ia juga akan mencemarkan saluran air di sekitar Gebeng," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Fuziah yang juga Timbalan Menteri di Perdana Menteri berkata, isu berkenaan dengan Lynas

Kilang Lynas tidak akan ditutup, tarik pelabur

KUALA LUMPUR - Kerajaan akan menubuhkan syarikat Lynas Malaysia Sdn. Bhd. (LMS) di Labuan, Labuan. Syarikat ini akan menguruskan operasi kilang Lynas di Labuan, Labuan. Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Mohd. Yusof berkata, syarikat ini akan menguruskan operasi kilang Lynas di Labuan, Labuan.

berkaitan dengan projek ini, katanya. "Ini adalah projek yang akan memberi kesan kepada penduduk kampung yang tinggal berhampiran, dakwa Ahli Parlimen Kuantan, Fuziah Salleh.

Apie Shabih Menteri Pembangunan Usahawan Malaysia, Datuk Seri Mohd. Yusof berkata, syarikat ini akan menguruskan operasi kilang Lynas di Labuan, Labuan.



KERATAN Kosmo! Ahad semalam.

biasanya disalah faham oleh ramai orang terutamanya berkaitan dengan pengurusan sisa khususnya dengan sisa radioaktif.

"Lynas bijak dalam strategi menyampaikan mesej mereka yang agak mudah terpedaya dengan pernyataan mereka tentang tahap radiasi yang rendah.

"Lynas sentiasa membisu mengenai thorium dalam sisa radioaktif mereka yang mempunyai jangka hayat yang sangat lama sehingga mencapai 14 bilion tahun.

"Tetapi sayang sekali, ramai dalam kalangan kerajaan juga tidak memahami isu pengurusan sisa yang betul dan yakin dengan

cerita Lynas disampaikan kepada orang ramai," jelasnya.

Jelas Fuziah, kerajaan sentiasa mengalu-alukan kehadiran pelabur asing yang berhasrat mengembangkan perusahaannya mereka di Malaysia dengan syarat mereka bermatlamatkan pembangunan lestari.

"Walaupun kehadiran pelabur penting, namun pada masa yang sama kehadiran mereka tidak boleh disertai dengan masalah seperti pembuangan sisa toksik atau perkara lain yang berisiko merosakkan alam semula jadi," katanya.

Kosmo! Ahad semalam melaporkan, kerajaan akan meneruskan operasi Lynas di Gebeng dalam usaha mengembalikan keyakinan pelabur asing ke negara ini.

Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Seri Mohd. Redzuan Yusof berkata, berikutan itu Lynas dibenarkan meneruskan operasi mereka.

LAMPIRAN 15  
 SINAR HARIAN (SENTRAL): MUKA SURAT 20  
 TARIKH: 1 APRIL 2019 (ISNIN)

**535kg sampah dikutip dari Sungai Klang**

KUALA LUMPUR - Sebanyak 535 kilogram sampah dikutip pada program pembersihan sungai di bawah Program Pendekatan Awam, Fasa 5 Sungai Nadi Kehidupan (RoL) oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di sepanjang 100 meter Sungai Klang, di sekitar Midvalley Megamall, di sini semalam.

Program bermula jam 8 pagi itu adalah inisiatif Friends of Sungai Klang Mid Valley (FoSK MV) hasil gabungan enam NGO yang terdiri daripada persatuan-persatuan pencinta alam sekitar, persatuan penduduk dan badan-badan korporat.

Pengurus Projek Fasa 5 Program Pendekatan Awam RoL Dr K. Kalithasan berkata, program pembersihan di hadapan Midvalley Megamall dan Pangsapuri Abdullah Hukum di sepanjang 500 meter sungai itu disertai 150 sukarelawan.

"Jumlah sisa buangan terkumpul yang boleh dikitar semula adalah 50 kilogram yang terdiri daripada 41 kilogram botol plastik, diikuti tujuh kilogram kaca



Sebahagian sukarelawan sibuk mengasingkan sampah yang dikutip.



Pembersihan dilakukan di Sungai Klang dan Pangsapuri Abdullah Hukum.

dan dua kilogram logam.

"Kami sedaya upaya meminimumkan penghantaran sisa-sisa buangan ini ke tapak pelupusan dan cuba untuk kitar semula hasil buangan tersebut untuk kelestarian alam sekitar," katanya selepas program pembersihan Sungai Klang di sini, semalam.

diadakan untuk meningkatkan kesedaran terutamanya dalam kalangan orang awam untuk tidak menganggap sungai dan tebing sungai sebagai tong sampah atau tempat membuang sampah.

"Selama ini, setiap NGO beroperasi secara bersendirian namun kini setiap kepakaran mereka bakal dimanfaatkan untuk

peroleh hasil lebih baik.

"Dengan penglibatan penduduk dan pengusaha di sekitar kawasan Sungai Klang, ia secara tidak langsung pupuk kesedaran cintai sungai," katanya.

Dr Kalithasan berkata, masyarakat tidak boleh bergantung kepada pihak berkuasa tempatan semata-mata untuk menjaga ke-

bersihan, sebaliknya semua pihak perlu memainkan peranan tidak membuang sampah sesuka hati.

Pengurus Program FoSK MV Shayley Hing berkata, program itu akan menyaksikan satu program pembersihan mingguan termasuk mengindahkan kawasan tebing sungai dan memastikan bersih. *Berita*



LAMPIRAN 16  
THE STAR (SME BIZ): MUKA SURAT 10  
TARIKH: 1 APRIL 2019 (ISNIN)

# The many applications of artificial intelligence

By NEIL FOO

WHAT is artificial intelligence (AI)? Malaysians are generally not aware that AI is already present in our day-to-day lives.

Worse still, blue collar labourers, white collar top executives and even policy makers seem to know little of the progress of AI. Some may not even know what AI stands for.

The field of AI studies started in 1956. Over the years, the sector has experienced waves of optimism, stagnation and the loss of funding.

AI is a branch of computer science dealing with the simulation of intelligent behaviour in computers and the capability of a machine to imitate intelligent human behaviour. AI machine mimics "cognitive" functions that humans normally associate with other human minds, such as learning and problem solving.

The study of AI can be in cognitive science, engineering, ethics, linguistics, logic, mathematics, natural sciences, philosophy, physiology, psychology, and statistics.

It should be exhibited by thinking, decision making, solving problems, and more importantly, learning.

The study of AI believes that machines can be made self-aware with human-like AI, in which the computer program thinks and reasons at the level of a human being.

On the other hand, there is also non-human-like AI, where the computer program develops a non-human way of thinking and reasoning.

Facial recognition, voice recognition, chat bot, machine translator and robotics – these are some of the AI applications used to solve many real life problems today. For example, robots are used to help find land-mines, search for humans trapped under rubble, and clean underground drainage systems.

According to a McKenzie report, AI could add an extra 1.2% yearly GDP growth in the next 10 years. It is estimated that AI could generate US\$13 trillion in extra global economic activity by 2020. There will be approximately 70% of companies that will at least adopt one AI application.

These numbers sound great.

But on the other end of the spectrum, we have the SMEs who are puzzled about how to use AI to make money.

Employees are also starting to be

anxious about whether their jobs will be replaced by AI-led instruments or robots. Hence, they would wonder whether they should embrace AI or not.

There are generally four kinds of AI applications.

## 1. Internet AI

The use of AI in Google, Facebook, Microsoft and YouTube keeps our eyeballs preoccupied. For example, I get notifications on NBA and Shark Tank videos on my smartphone and computer, all trying to get me to watch these programmes.

"Scroll, watch, like, share" is becoming a means of compiling Big Data.

The application of AI on the Internet is embedded into the search history, for example, to get information on the users' interest and display relevant advertisements while they are watching videos or browsing the Internet for information, sub-consciously playing on the consumers' minds and persuading them to make purchases.

Companies like Google, Facebook and Microsoft have been earning money from AI.

## 2. Finance AI

The finance sector is using AI to evaluate loan applications and credit rating of companies and applicants. It traces and tracks all possible information online in terms of repayment track records of credit cards, car loans, house loans and so on.

This includes crawling for any previous wrongdoings of the companies and applicants.

This also makes the work much faster and accurate.

## 3. AI recognition

Facial recognition can help a traditional business adopt a Precision Marketing model as it helps retailers monitor customer behaviour and satisfaction.

By analysing facial expressions, the AI technology can detect and determine the level of satisfaction a customer feels in terms of shop appeal, product attraction and customer service feedback.

Likewise, it can also help retailers easily record the daily flow of customers in the shop, their preferred shelf level, colours and designs. The AI-enabled CCTV can even tell

the gender of the patrons.

AirAsia has announced that it is adopting AI facial recognition management system to enhance their efficiency and security control efficacy.

## 4. Self AI

The Chinese have started moving towards electric car years ago. We are still talking about it as the "future" or we are still on the hybrid model.

I have ridden in the electric car taxi in Shenzhen and Hangzhou a few times. In my chats with the drivers, they shared that they have been driving these cars, branded under BYD, for at least three years and they are satisfied with the performance of China-made electric cars.

The electric cars are equipped with AI voice recognition to start the car, use the GPS, control the audio and so on.

In conclusion, AI application is not about the future, it is happening now. It is already transforming our lifestyle in so many ways.

Neil Foo is the Malaysian representative of Apec SME Forum and AI practitioner.



LAMPIRAN 17  
**SINAR HARIAN (PENCEMARAN KIM KIM): MUKA SURAT 12**  
**TARIKH: 1 APRIL 2019 (ISNIN)**

**Exco yakin pelajar tidak lagi bimbang ke sekolah**



Aminohuda bertanya khabar dengan pelajar yang hadir bagi sesi persekolahan pertama di SMK Pasir Gudang 2, semalam.

PASIR GUDANG - Kerajaan negeri percaya pelajar sudah kembali yakin untuk memulakan sesi persekolahan semalam, selepas ditutup selama dua minggu akibat pencemaran Sungai Kim-Kim.

Exco Pendidikan Johor, Aminohuda Hassan berkata, berdasarkan pemerhatian beliau ketika melawat SMK Pasir Gudang 2, semalam, beliau yakin pelajar tidak lagi bimbang untuk ke sekolah. "Pelajar yakin dengan apa yang diputuskan pihak

kerajaan terutama suasana setelah lebih dua minggu mereka berada di rumah. Pusat saringan juga telah ditutup, maknanya tiada lagi orang yang tercemar akibat udara kotor ini.

"Kita buat pemerhatian sudah lebih seminggu. Saya yakin dan percaya pelajar sudah berani untuk datang ke sekolah dan tidak bermasalah tentang ketidakhadiran itu. Yang tak datang mungkin sebab masalah lain," katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas

membuat tinjauan hari pertama di sekolah berkenaan semalam.

Sementara itu, Aminohuda berkata, setiap pelajar yang dimasukkan ke wad akan menerima pampasan daripada Takaful Malaysia sebanyak RM25 sehari.

Bagaimanapun, kerajaan negeri masih belum memutuskan sama ada akan memberi pampasan atau tidak kepada pelajar-pelajar yang terjejas akibat pencemaran kimia itu.

Sementara itu, Pengetua

SMK Pasir Gudang 2, Mahidah Kosnan berkata, setakat ini pihaknya tidak menerima sebarang laporan mengenai pelajar trauma atau takut untuk ke sekolah. Namun, katanya, pihaknya sentiasa bersedia dengan sebarang kemungkinan.

"Tapi kita tak ada terima aduan dari PIBG dan ibu bapa ada anak-anak yang trauma atau takut untuk ke sekolah," katanya.

**Mangsa gas toksik masih trauma**

Sebahagian pelajar masih memakai topeng sebagai langkah berjaga-jaga

RAZIATUL HANUM  
 A RAJAK@ATAN

PASIR GUDANG

Kesemua sekolah di Pasir Gudang memulakan sesi pembelajaran seperti biasa semalam, selepas cuti bencana yang bersambung dengan cuti penggal pertama berakhir.

Tinjauan *Sinar Harian* di SMK Pasir Gudang 2 di sini, semalam mendapati, rata-rata pelajar gembira dapat kembali semula ke sekolah, namun segelintir pelajar masih mengenakan topeng muka di dalam kelas sebagai langkah berjaga-jaga.

Pelajar Tingkatan 6, Nur Syafiqah Afifah Nordin, 19, berkata, dia sebenarnya bimbang untuk ke sekolah semalam selepas dirawat selama dua hari di hospital.

"Memang takut. Saya pun ada asma jadi pakai oksigen sepanjang masa. Masa di sekolah saya muntah-muntah dan pengsan tapi sekarang Alhamdulillah, dah OK.

"Setiap hari diambil da-



Pelajar masih memakai topeng muka sebagai langkah berjaga-jaga, semalam.



Sesi persekolahan bermula semalam selepas dua minggu ditutup.

rah beberapa kali lepas itu saya kena kuarantin di hospital," katanya.

Nur Syafiqah yang tinggal di Taman Kota Masai antara enam pelajar SMK Pasir Gudang dirawat di hospital ketika insiden pencemaran kimia di Sungai Kim Kim meletus.

Seseorang lagi pelajar Tingkatan 6, Nurul Nasuha Mohd Amni Samni, 19, berkata, meskipun gembira dapat kembali meneruskan sesi persekolahan, namun turut bimbang dengan silibus yang tergendala selama seminggu.

"Memang saya gembira dapat ke sekolah semula tapi risau juga sebab masa di hospital dan beberapa selepas menerima rawatan saya tak dapat ulang kaji pelajaran.



NUR SYAFIQA



NURUL NASUHA



ROSRINA

"Tapi saya sempat gunakan masa cuti untuk siapkan kerja kursus dan cikgu pun ada buat kelas tambahan sehari minggu ini untuk pembentangan kerja kursus kami," katanya.

Sebelum ini, Nasuha yang tinggal di Taman Pasir Putih dimasukkan ke

Hospital Sultanah Aminah selepas tidak sedarkan diri di sekolah.

"Saya memang dah rasa sakit kepala beberapa hari sebelumnya tapi saya fikir sakit kepala biasa. Tapi 13 Mac itu, saya sesak nafas dan dimasukkan ke bilik kuarantin dengan lebih 20 kawan-kawan lain yang

sakit sama.

"Selepas itu saya dah tak sedarkan diri dan sedar apabila dimandikan di hospital. Saya masuk wad dua hari," katanya.

Rata-rata pelajar lain yang ditemui turut menyatakan perkara sama.

Sementara itu, Ketua Unit Hal Ehwal Murid

(HEM) Tingkatan 6, Rosrina Bachok berkata, sebagai guru, beliau akui bimbang dengan silibus pelajar yang tergendala, namun yakin pelajar-pelajarnya dapat mengejar.

"Memang bimbang tapi kita sebagai guru guna pelbagai kaedah untuk sampaikan sesi pembelajaran dan pengajaran itu walaupun melalui aplikasi WhatsApp.

"Saya ada berhubung dengan pelajar melalui WhatsApp untuk mereka ulangkaji subjek berkaitan dan di kelas kita akan ulang lagi cuma dalam kadar lebih cepat.

"Saya rasa guru lain juga guna kaedah sama. Sebab kita pun tak sangka kan cuti ini bersambung-sambung," katanya.



LAMPIRAN 18  
THE STAR (NATION): MUKA SURAT 2  
TARIKH: 1 APRIL 2019 (ISNIN)

## Fuziah: Lynas project a threat to villagers' health

**KUALA LUMPUR:** Kuantan MP Fuziah Salleh has lashed out at the Lynas project in Gebeng, Kuantan, saying it could affect villagers living nearby.

Fuziah claimed that after just five years of operations and dumping of radioactive waste on site, as well as the scheduled waste amounting to 1.5 million tonnes and the groundwater beneath, the site was

already contaminated with heavy metals.

"This will have an effect on the villagers living around Gebeng, some of whom are still dependent on tube wells for their daily water use.

"It will also pollute the waterways around Gebeng," she said in a statement.

Fuziah, who is also Deputy Min-

ister in the Prime Minister's Department, also said many people had misconstrued the issue, especially radioactive waste management.

"It is easy to fall for the low-level radiation narrative.

"Lynas has always been silent on the long life - 14 billion years - of thorium in the radioactive waste.

"Unfortunately, many people in

the government also do not comprehend the real pertinent waste management issue.

"They are convinced by the narratives imparted to the public," she added.

Fuziah said they welcomed foreign direct investment except for Lynas.

"However, industries that pollute and think they are above the law

are not welcome in Kuantan and Pahang," she said.

On March 24, Lynas Malaysia Radiation Safety general manager Prof Dr Ismail Bahari said there was no basis to claims that Lynas Advanced Materials Plant in Gebeng could cause a chemical waste contamination incident similar to that in Pasir Gudang, Johor. — Bernama

LAMPIRAN 19  
THE STAR (NATION): MUKA SURAT 2  
TARIKH: 1 APRIL 2019 (ISNIN)

# Stringent SOPs proposed

New draft rules for bauxite mining emphasise stricter enforcement

By ONG HAN SEAN  
hansean@thestar.com.my

**KUANTAN:** A stringent set of standard operating procedures (SOPs) have been proposed for the resumption of bauxite mining in Pahang following the end of a moratorium spanning three years on the activity.

Under the new draft regulations, the minimum condition for a mining lease or proprietary mining lease application must cover an area of at least 20ha, irrespective of it being an individual lot or combination of adjacent lots.

Only applicants competent in technical and financial capabilities would be considered, and there must be a permanent mining engineer and safety, occupational health and environment officer on site.

"Financially, they must be able to prepare the capital and equipment suitable for the proposed mining method, and provide public liability insurance of up to RM1mil," the draft SOP uploaded on the Water, Land and Natural Resources Ministry website stated.

The comprehensive draft SOP covers mining rights application planning, bauxite mining site management, stockpile and port management, transportation and enforcement methods, and exportation procedures.

It also stated that all new and existing mining and stockpile sites must obtain approved environmental impact assessment, which must contain health, social and traffic impact assessments.

A rehabilitation plan must also be submitted for approval by the



**Subject to changes:**  
A former bauxite mining site in Bukit Goh, Kuantan.

state mineral resources committee before any activity can begin.

The federal government ordered a halt to all bauxite mining on Jan 15, 2016, to address concerns about pollution, lack of regulation and excessive extraction by the operators.

Indiscriminate and largely unregulated bauxite mining activities caused rivers and sea water near Pantai Balok and Pantai Batu Hitam to turn "red" during heavy rainfall.

After months of public outcry, the then Natural Resources and Environment Ministry announced what was first a three-month moratorium on bauxite mining to get things under control and clean up the state.

The temporary ban was then extended a few times to enable all bauxite that had been extracted to

be exported and for the clean-up of all the stockpiling areas.

At the time, it was revealed that there were still about 5.4 million tonnes of bauxite stockpiled outside of Kuantan Port, with about 2.3 million tonnes at mining sites, 1.8 million tonnes in Felda areas and 1.3 million tonnes in Gebeng.

On pollution control, the draft SOP stated that operators would be required to implement environmental pollution mitigation measures at mining sites.

After mining, bauxite ore from mines located 5km from Kuantan Port must be stored in a centralised stockpile before it can be sent to the port for export.

There will be no stockpiles within the port area except for

transit purposes.

The operations procedure at centralised stockpile sites was to ensure that the bauxite was received from legitimate mines and to identify transport lorries that had registered with the Pahang Lands and Mines Office.

Strict environmental pollution control measures such as netting, silt traps and washing bays must be installed at the stockpile sites.

On bauxite export, the draft SOP stated that the monthly capacity of bauxite to be handled by the Kuantan Port would be set at 600,000 tonnes.

A public hearing on the draft SOP is scheduled to be held at Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah here on April 14.



LAMPIRAN 20  
THE STAR (NATION): MUKA SURAT 2  
TARIKH: 1 APRIL 2019 (ISNIN)

**Bauxite miners urged to wait a bit longer to ensure smooth operations**

By JO TIMBUONG  
jo.timbuong@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Bauxite mining companies can afford to wait "a little longer" for the final list of standard operating procedures (SOPs) if they do not want their operations to be affected again, according to a senior official.

Pahang Mineral Operators Association vice-president Datuk Yap Soon Huat said it would be in the best interest of all to agree on the SOP rather than have public complaints resulting in disruptions.

"It's better to take the time and

properly agree on the SOP. The moratorium was implemented for three years, so what is another one or two-month wait?" he said.

Although the operators risked incurring losses due to delays, Yap described such risks as part and parcel of the business.

"You win some, you lose some," he said, urging all stakeholders to give their views at the public hearing on the draft SOP scheduled for April 14.

Yap said the public hearing was the right thing to do as it would allow everyone to agree on fair terms.

"We support what the government is doing, especially when it concerns the environment, so we want to take this chance to get the SOP right," he said.

Malaysian Nature Society president Prof Dr Ahmad Ismail hoped the operators would have enough expertise, facilities and monitoring systems to follow the SOP and conduct environmental impact assessments at their sites.

"Monitoring and enforcement by the authorities are also important and enforcement personnel must ensure that they are equipped with the right knowledge, skills and

integrity to handle the job," he said.

Ahmad said the onus was also on the public to educate themselves on the mining processes and toxic effects they might have in order to take precautions.

"The government should reveal past experiences when it comes to bauxite mining, not to scare the public but to encourage them to help the authorities to monitor the situation.

"We cannot wait for another disaster to happen," he said.

Bauxite is a sedimentary rock that is high in aluminium content and is the world's main source

of aluminium.

Bauxite deposits found closer to the surface are extracted using shallow, open-cut mining through open-pit methods, while those found deeper underground require underground mining methods.

However, unscrupulous mining methods can have a detrimental effect on the environment.

Neglectful acts can cause air pollution due to the dust from the mines, which can also affect drinking water sources if such methods cause harmful elements such as arsenic and mercury to leach into them.

LAMPIRAN 21  
THE STAR (NATION): MUKA SURAT 2  
TARIKH: 1 APRIL 2019 (ISNIN)

## Activist: Draft a step in the right direction

**KUANTAN:** The proposed standard operating procedures (SOP) for bauxite mining have been lauded by an activist who has been waging a long campaign against its side effects.

Gerakan Rakyat Hentikan Pencemaran Bauksit (Geram) chairman Ali Akbar Othman said from what he had read of the draft, there appeared to be improvements.

"It covers everything related to bauxite mining, from licensing to export. I will say it is positive.

"It is a good move on the part of the government and it shows that our complaints have at least been heard. After so long, an SOP has been published," he said.

Ali Akbar said he would scrutinise the 174-page SOP in detail in order to raise questions at the public hearing scheduled here on April 14, and urged Kuantan residents to register for the event.

The Water, Land and Natural Resources Ministry explained in the draft SOP that engagements were held with related ministries, departments and agencies, including workshops in 2015 and 2016.

Another workshop was held from Oct 24 to 25 last year, which helped come up with improvements to be implemented in the chain of bauxite mining activities.

Felda Bukit Goh Village Community Management Council chief Jefri Salim said he would reserve his comments until after he has gone through the SOP.

Details on the SOP and public hearing registration are available at [tinyurl.com/bauksit](http://tinyurl.com/bauksit)



**LAMPIRAN 22**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 5**  
**TARIKH: 1 APRIL 2019 (ISNIN)**

## Lynas jejas penduduk Gebeng – Fuziah

**KUALA LUMPUR 31 Mac** - Projek Lynas di Gebeng, Kuantan, Pahang menjejaskan penduduk kampung yang tinggal berhampiran, kata Ahli Parlimen Kuantan, Fuziah Salleh.

Beliau berkata, hanya selepas lima tahun beroperasi, pembuangan sisa radioaktif di tapak serta sisa berjadual kini berjumlah 1.5 juta tan metrik dan air bawah tanah di bawah Lynas sudah terce-

mar dengan logam berat.

“Ini akan memberi kesan kepada penduduk kampung yang tinggal di sekitar Gebeng, yang sebahagiannya masih bergantung kepada telaga tiub untuk kegunaan air harian mereka. Ia juga akan mencemarkan saluran air di sekitar Gebeng,” katanya dalam satu kenyataan, di sini hari ini.

Fuziah yang juga Timbalan

Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata, isu berkenaan dengan Lynas biasanya disalah faham oleh ramai orang, terutamanya berkaitan dengan pengurusan sisa khususnya dengan sisa radioaktif.

“Lynas bijak dalam strategi menyampaikan mesej mereka di mana agak mudah terpedaya dengan pernyataan mereka tentang tahap radiasi yang rendah.

Lynas sentiasa membisu mengenai thorium dalam sisa radioaktif mereka yang mempunyai jangka hayat yang sangat lama sehingga mencapai 14 bilion tahun.

“Tetapi sayang sekali, ramai di dalam kerajaan juga tidak memahami isu pengurusan sisa yang betul dan yakin dengan cerita Lynas yang juga disampaikan kepada orang ramai,” katanya. - BERNAMA

**LAMPIRAN 23**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 5**  
**TARIKH: 1 APRIL 2019 (ISNIN)**

## Kehadiran 90 peratus pelajar di sekolah Pasir Gudang

**PASIR GUDANG 31 Mac** - Pembukaan semula sesi persekolahan di 111 buah sekolah di daerah ini yang ditutup akibat pencemaran toksik di Sungai Kim Kim sejak 13 Mac lalu berjalan lancar dengan jumlah kehadiran pelajar yang memberangsangkan.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, sesi persekolahan berjalan seperti biasa namun terdapat sekolah yang masih mengarahkan pelajar menggunakan penutup mulut dan hidung sebagai langkah berjaga-jaga.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan negeri, Aminolhuda Hassan dan Timbalan Pengarah Pendidikan negeri, Azman Adnan juga turun padang meninjau keadaan pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pasir Gudang 2 di sini.

Menurutnya, kehadiran pelajar dari 111 buah sekolah di sini mencapai tahap 90 peratus.



**AMINOLHUDA HASSAN (bersongkok)** meninjau keadaan pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Pasir Gudang 2, Johor, semalam selepas sekolah dibuka semula akibat ditutup berikutan pencemaran toksik di Sungai Kim Kim baru-baru ini.

Dalam pada itu, seramai 355 pelajar yang terjejas akibat pencemaran toksik sudah menghantar permohonan mendapatkan pampasan Takaful

Pelajar Sekolah Malaysia.

Aminolhuda berkata, mereka layak menerima pampasan sebanyak RM25 sehari sepanjang menerima rawatan di hospital.

Ditanya sama ada kerajaan negeri akan membayar pampasan kepada pelajar terabit, beliau berkata, perkara itu masih belum diputuskan.



LAMPIRAN 24  
MINGGUAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 66  
TARIKH: 31 MAC 2019 (AHAD)

# Caj baharu beg plastik akan dimuktamad

■ GEORGETOWN 30 MAC

**K**ERAJAAN Pulau Pinang akan mengadakan perbincangan dengan pihak berkepentingan terlebih dahulu sebelum pelaksanaan cadangan menaikkan caj beg plastik daripada 20 sen sekarang kepada 50 sen seunit.

Ketua Menteri, Chow Kon Yeow berkata, cadangan itu dibincangkan dalam mesyuarat Exco kerajaan negeri semalam dan beliau mengarahkan lebih banyak penglibatan pihak berkepentingan untuk mendapatkan maklum balas daripada rakyat sebelum dimuktamadkan.

“Di Pulau Pinang, kita sudah ada dasar *no free plastic* bag dengan caj 20 sen dikenakan atas pengguna yang masih ingin menggunakan beg plastik. Kita mendapati walaupun ada caj sejak ia dimulakan pada 2009, masih ada pengguna rela membayar untuk mendapatkan beg plastik.

“Sejak 10 tahun pelaksanaannya, kira-kira RM8 juta ke RM9 juta kutipan caj beg plastik direkodkan. Pungutan yang begitu banyak ini menunjukkan ia masih tidak menghindar pengguna daripada mahu plastik beg dengan membayar 20 sen,” katanya pada sidang media selepas merasmikan persidangan Inspiring Future Leaders an-



Apa yang kita lakukan cuma satu tindakan yang kecil ke arah memastikan alam sekitar kita tidak tercemar lagi oleh pembuangan sisa plastik secara tidak bertanggungjawab.

**CHOW KON YEOW**

juran Persatuan Peniaga Wanita Pulau Pinang (PWCC) di sini hari ini.

Baru-baru ini, Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar negeri, Phee Boon Poh berkata, kerajaan negeri menimbang untuk menaikkan caj beg plastik kepada 50 sen seunit selepas kadar se-

masa didapati kurang berkesan dalam usaha mengurangkan penggunaan beg plastik.

Bagaimanapun, Kon Yeow berkata, sejak pelaksanaan caj 20 sen itu, 50 peratus pengguna membawa beg sendiri ketika membeli belah sekaligus menunjukkan kesedaran pengguna untuk memelihara alam sekitar.

Menurutnya, buat masa ini pelaksanaan caj beg plastik 20 sen itu hanya dilaksanakan di semua pasar raya di negeri ini.

“Apa yang kita lakukan cuma satu tindakan yang kecil ke arah memastikan alam sekitar kita tidak tercemar lagi oleh pembuangan sisa plastik secara tidak bertanggungjawab.

“Di samping itu, bukan ini sahaja. Inisiatif *no single use plastic* juga perlu dipergiatkan lagi. Banyak perkara yang boleh dan perlu dilakukan (untuk memelihara alam sekitar). Usaha ini memerlukan penglibatan semua pihak,” katanya.

Ditanya sama ada kerajaan negeri akan mengharamkan penggunaan plastik secara sepenuhnya di negeri ini, Kon Yeow berkata, perkara itu juga akan dibincangkan bersama pihak berkepentingan.

“Masanya akan tiba, kita akan lakukan secara progresif. Lama kelamaan kita akan melihat gaya hidup baru,” katanya. - BERNAMA



LAMPIRAN 25  
 THE STAR (NATION): MUKA SURAT 11  
 TARIKH: 31 MAC 2019 (AHAD)

By ERIC QUAH  
 ericq@thestar.com.my

# GREEN ENERGY OPTIONS

TENAGA Nasional Berhad's (TNB) green solutions were showcased at the recent Asean Super Mechanical & Electrical Engineering Show at the Malaysian International Trade and Exhibitions Centre (Mitec) in Kuala Lumpur.

Featuring some of its subsidiaries' sustainable and renewable businesses, one of them was GSparx Sdn Bhd – a green energy solution provider that offers end-to-end solutions with zero-upfront investments from its clients. It offers consultation, installation, maintenance and monitoring at no cost at all.

According to head of marketing Nor Ziha Zainol Abidin, GSparx's present focus is on solar PV rooftops, while future business plans may include battery storage solutions and more.

"We have packages for residential as well as for commercial and industrial premises. We also work with housing developers to make their units solar-ready," she said.

A standard residential package, for example, would have a system offering from 2kW to 12kW of energy, at a package price starting from RM13,900, she added.

Customers with bills higher than RM600 could experience savings even after paying for the solar system. For customers with lower bills, savings could be enjoyed immediately with cash or outright purchase option. Simple payback for such customers could be between nine and 12 years.

Nor Ziha said payment packages include cash payment, credit card, via leasing (where property own-



Umar explaining to Works Minister Baru Bian (second from right) how the solar roof tiles work.



'A district cooling plant with thermal energy storage is able to reduce electricity cost,' said Rizuan.

ers own the system after paying a fixed monthly amount for some years), via a bank loan or by GSparx's solar power purchase agreement (SPPA). Details are on [www.gsparx.com](http://www.gsparx.com), or email to [enquiry@gsparx.com](mailto:enquiry@gsparx.com).

Similar to the PV panels provided by GSparx are solar roof tiles, a premium alternative that is actually a roof with a solar thin film built in.

Business development chief Umar Ridzuan Hawari of Tenaga Switchgear said: "This provides two functions – the usual protection against external environmen-

tal elements while also generating power."

Umar added that the tiles are packaged with a home energy storage system – a liquid-based battery system like the voltage-regulated lead acid battery which is safer and will not heat up much.

Those who are interested can visit the sandbox project Maverick in Cyberjaya, or call 03-6140 6520 for details, email [sales@mytsg.com.my](mailto:sales@mytsg.com.my) or visit [www.mytsg.com.my](http://www.mytsg.com.my).

Another green subsidiary is TNB Engineering Corporation Sdn Bhd (TNEC) which concentrates on the district cooling system as well as

large-scale solar farm setup.

Acting head of Project Development and Implementation, Rizuan Eusoff, said: "Basically our major businesses are district cooling systems plants and large-scale solar installations.

"District cooling plants, like the one at KLIA2, is a centralised air conditioning plant that supplies chilled water to the whole KLIA2 airport development. A district cooling plant with thermal energy storage is able to reduce the electricity cost compared to conventional plant."

TNEC provides the full range of

services related to DCS, from initial concept or business viability studies to the investment, engineering, procurement and construction (EPC) contract, project financing, ownership as well as comprehensive operations and maintenance.

He added that the company has completed the construction of two large-scale solar farms last year, the 50MWac capacity TNB Sepang Solar in Kuala Langat, Selangor, and the 29MWac capacity Leader Solar Energy in Sungai Petani, Kedah. A new 30MWac solar farm in Bukit Selambau, Kedah, is under construction and shall be completed by mid-2020.

For more on TNEC go to [www.tnec.com.my](http://www.tnec.com.my) or call 03-7958 2121.



## LAMPIRAN 26 THE NEW SUNDAY TIMES: MUKA SURAT 4 TARIKH: 31 MAC 2019 (AHAD)



Under the new standard operating procedure, a 700m conveyor system will transport bauxite directly to the ship. PIC COURTESY OF KUANTAN PORT

### Emphasis on cleanliness, safety and environment

**KUANTAN:** A strict bauxite handling standard operating procedure (SOP) in Kuantan Port awaits bauxite operators as the port authorities want to ensure that there will be no more slip-ups.

Kuantan Port chief operating officer Mazlim Husin said the new SOP would emphasise cleanliness, safety and the environment.

He said bauxite, which was stored in two central warehouses (one covered and another opened) near multipurpose berths 5 and 6, would be allowed to be moved only when the port authorities received the approved permit, delivery order

and shipping call number.

"Bauxite from the central warehouses will be loaded into cargo vessels using two methods, namely the 700m-long conveyor belt system which ensures a better environment control system.

"It was designed solely for bauxite handling and does not cause spillage.

"The second method is by using lorries with bucket from the roofed warehouse to the vessel, which is about 150m away.

"An operator hired by the port authorities will provide the lorries to take the mineral from the warehouse to the vessel."

He said the central warehouse,

which uses the conveyor, had the capacity to store up to 400,000 tonnes of bauxite, while the warehouse deploying the lorries could store 200,000 tonnes of the mineral.

Mazlim said the port had built a perimeter drain, retention pond and treatment plant, and provided a washing bay for the lorries to minimise dirt and pollution.

"Two units of manually handled power sweepers will be used to clean and clear bauxite debris at the berth to avoid the spillage from entering the sea.

"We have upgraded the cleaning method so that it will use minimum water and not cause the sea to turn red due to the spillage."

He said the conveyor system had the capacity to transfer 2,000 tonnes of bauxite per hour into the vessel while the lorries could load up to 9,000 tonnes into the vessel a day.

On the safety aspects, he said lorries transporting bauxite mineral from the stockpiles from outside Kuantan Port would be allowed to enter the warehouse area only if operators met the stipulated requirements.

"Lorries entering the port compound must have the bucket covered, do not overload, adhere to all safety features, including brake lights, and provide related documents.

"Operators will have to adhere

to the yard cycle as we do not want them to store the minerals in the warehouse for a long period without knowing when the vessels will come to transport them out.

"Each shipper has about 10 days to transport the ore out of the warehouse as we want the yard management to be efficient and work according to schedule to ensure a smooth process."

Mazlim said with the new SOP in place, he hoped that the mining operators would cooperate to ensure bauxite export activities could be carried out smoothly from Kuantan Port without setbacks.



LAMPIRAN 27  
 BERITA HARIAN (ALAM SEKITAR): MUKA SURAT 17  
 TARIKH: 31 MAC 2019 (AHAD)

# Tak laksana cadangan dalam masa terdekat

**Georgetown:** Kerajaan negeri menjelaskan cadangan untuk menaikkan caj beg plastik kepada 50 sen tidak akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat.

Ketua Menteri, Chow Kon Yeow, berkata cadangan itu akan dibincangkan bersama pihak berkenaan terlebih dahulu, sebelum sebarang keputusan dimuktamadkan.

Katanya, ia berikutan jumlah kutipan caj beg plastik masih mencatatkan jumlah yang tinggi, walaupun pelaksanaan program 'tiada beg plastik percuma' diperkenalkan sejak 10 tahun lalu.

